

D954

B 8988 AAB
UMNO - INGATAN
(I)

KUALA LUMPUR, 5 FEB (BERNAMA) -- PARA ANGGOTA UMNO YANG TELAH DIISYTIHARKAN SEBAGAI TIDAK SAH HARI INI DIINGATKAN JANGAN MENGADAKAN SEBARANG MESYUARAT, MENGANJURKAN KEGIATAN-KEGIATAN PARTI ATAU MELIBATKAN DIRI DALAM URUSAN KEWANGAN BAGI PIHAK PARTI ITU.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMBERIKAN NASIHAT ITU BERKATA KEGIATAN-KEGIATAN ITU DIANGGAP TIDAK SAH BERIKUTAN KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR SEMALAM, YANG MENYEBABKAN PARTI ITU TIDAK SAH BERIKUTAN KEWUJUDAN 30 CAWANGAN PARTI YANG TIDAK BERDAFTAR.

HAKIM DATUK HARUN HASHIM SEMASA MENYAMPAIKAN KEPUTUSANNYA MENYEBUT PERUNTUKAN DALAM AKTA PERTUBUHAN 1966 YANG MENGANGGAP SESEBUAH PERTUBUHAN ITU TIDAK SAH JIKA CAWANGAN-CAWANGANNYA DITUBUHKAN TANPA KELULUSAN TERLEBIH DULU DARIPADA PENDAFTAR PERTUBUHAN.

SEKSYEN-SEKSYEN LAIN YANG BERKAITAN DALAM AKTA ITU IALAH:--

+SEKSYEN 42 YANG MENYATAKAN BAHAWA MANA-MANA PEMEGANG JAWATAN ATAU ORANG YANG MENGURUS ATAU MEMBANTU MENGURUS MANA-MANA PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ADALAH MELAKUKAN KESALAHAN DAN JIKA DISABITKAN, BOLEH DIHUKUM PENJARA BAGI TEMPOH TIDAK LEBIH LIMA TAHUN ATAU DENDA TIDAK LEBIH SEPULUH RIBU RINGGIT ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI. - LAGI.

1951MST 05 02 88

D965

B 8992 AAB
UMNO - INGATAN 2 KUALA LUMPUR
(I)

+SEKSYEN 43 YANG MENYATAKAN SESEORANG YANG MENJADI ATAU BERTINDAK SEBAGAI ANGGOTA SESEBUAH PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU MENGHADIRI MESYUARAT SESEBUAH PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU YANG MEMBAYAR WANG ATAU MEMBERI BANTUAN KEPADA ATAU BAGI PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ADALAH MELAKUKAN KESALAHAN DAN BILA SABIT KESALAHAN BOLEH DIHUKUM PENJARA TIDAK LEBIH TIGA TAHUN ATAU DENDA TIDAK LEBIH LIMA RIBU RINGGIT ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI.

+SEKSYEN 44 YANG MENYATAKAN SESEORANG YANG DENGAN MENGETAHUI MEMBENARKAN MESYUARAT SESEBUAH PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG, ATAU MESYUARAT ANGGOTA-ANGGOTA SESEBUAH PERTUBUHAN YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG DIADAKAN DI MANA-MANA RUMAH, BANGUNAN ATAU TEMPAT KEPUNYAAN ATAU YANG DIDUDUKI OLEHNYA, ATAU YANG IA MENGUASAINYA, ADALAH MELAKUKAN KESALAHAN DAN BOLEH DIHUKUM JIKA SABIT KESALAHAN, PENJARA TIDAK LEBIH TIGA TAHUN ATAU DENDA TIDAK LEBIH LIMA RIBU RINGGIT ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI. - BERNAMA.

2012MST 05 02 88